

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, 5 December, 2019 2:13 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PERKAB Brunei 2019 Bina Platform Kerjasama Lanjutan UUM-Brunei



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 DISEMBER 2019 / 8 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Dr. Azizah Abdullah

PERKAB BRUNEI 2019 BINA PLATFORM KERJASAMA LANJUTAN UUM-BRUNEI



UUM ONLINE: Brunei - Persatuan Kaunseling Brunei Darussalam (PERKAB) telah menganjurkan Persidangan Kaunseling Kebangsaan PERKAB 2019 di Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Rimba Gadong, Bandar Seri Begawan, baru-baru ini.

Persidangan yang bertema 'Pengupayaan Ummah: Mendepani Isu dan Cabaran Masa Kini' telah dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Mejar Jeneral (B) Dato' Paduka Seri Aminuddin Ihsan Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato' Seri Paduka Abidin.

Persidangan telah menjemput beberapa pembentang dari Malaysia dan Brunei termasuk Presiden PERKAMA International, Malaysia, Dato' Abdul Halim Mohd Hussin; Prof. Dato' Dr. Mohd Tajudin Mohd Ninggal dari Psikologi Kaunseling, Kluster Pendidikan dan Sains Sosial, Open Universiti Malaysia; Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, UUM, Dr. Azizah Abdullah dan Ketua Pegawai Narkotik 1, Biro Kawalan Narkotik, Pejabat Perdana Menteri, Dayang Siti Norhadinah Marsal.

Para pengucap utama dan ahli majlis Eksekutif PERKAB juga telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato' Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Brunei Darussalam.

Lanjutan daripada persidangan tersebut, Presiden PERKAB, Mejar (B) Rusli Bujang yang juga alumni UUM 2005 telah mengaturkan pertemuan khusus antara pensyarah UUM, Dr. Azizah Abdullah bersama Rektor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Adanan Basar.

Dr. Azizah Abdullah berkata, pertemuan tersebut bertujuan membincangkan beberapa kolaborasi penyelidikan, latihan dan program kemasyarakatan antara UUM, KUPU SB dan PERKAB terutamanya untuk memperkenalkan pendekatan kaunseling kontemporari dan *art therapy* dari perspektif Islam yang boleh dimanfaatkan untuk negara Brunei Darusalam.

Dalam pertemuan tersebut juga, Dr. Azizah yang mempunyai kepakaran dalam *arts & play therapy* telah diminta menyemak dan mencadangkan bagaimana aplikasi pendekatan kontemporari tersebut dapat diserapkan dalam kurikulum beberapa program pendidikan KUPU SB seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Awal kanak-kanak, Pendidikan Khas Kanak-kanak, Kaunseling Sekolah Rendah, Pendidikan Keibubapaan dan yang berkaitan dengannya.

Kemudian, perbincangan bersama pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darusalam diadakan bagi memperkasakan perkhidmatan kaunseling sekolah Brunei, diikuti perbincangan bersama Timbalan Setiausaha Tetap Pendidikan Teras KPNB, YM Awang Aliuddin Abdul Rahman dan Ketua Unit Kaunseling & Kerjaya, Bhg Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-sekolah Brunei, Mohammad Hatta Suhaili.

Dr. Azizah berkata, perbincangan menjurus kepada usaha untuk meningkatkan kemahiran guru-guru kaunseling di Brunei menggunakan kaedah kontemporari dan kreatif untuk menjalankan sesi-sesi kaunseling secara klinikal.

"Kerjasama lanjutan akan diadakan antara Kementerian Pendidikan Brunei dan Fakulti Pengajian Pendidikan UUM dalam konteks penyelidikan, latihan khusus kaunseling sekolah, penerbitan bersama dan seminar kaunseling di sekolah.

"Kementerian Pendidikan NBD juga menyatakan hasrat untuk mengadakan lawatan muhibah ke UUM, yang dimaklumkan sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka dan antara Fakulti Pengajian Pendidikan terbaik yang menawarkan pelbagai program pengajian dalam bidang pendidikan di Malaysia," katanya.

Sepanjang berada di Brunei, beliau juga dibawa ke Pusat Kaunseling Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison di Bandar Seri Begawan.

Pusat Kaunseling ABDB telah dibangunkan pada Mac 2003 oleh Mejar (B) Rusli sendiri atas konsultasi bersama Profesor Emiratus Dato' Dr. Amir Awang yang merupakan pensyarah UUM pada ketika itu.

Dr. Azizah juga telah mengendalikan sesi *Phototherapy* dan *Art Therapy Assessment* untuk mengendalikan isu-isu berkaitan trauma, kehilangan, kesedihan dan pengsan kepada semua yang hadir di PKABDB.

Mejar (B) Rusli berkata, hasil daripada lawatan dan perbincangan dengan pelbagai pihak telah memantapkan lagi hubungan kerjasama strategik untuk memanfaatkan kepakaran daripada UUM kepada kumpulan sasaran di Negara Brunei, selain untuk mengiatkan usaha bagi memajukan, meningkatkan imej dan pengiktirafan orang ramai terhadap profesion kaunseling.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.